

## TEORI KEDATANGAN GOLONGAN 'ALAWIYYĪN DI NUSANTARA: SUATU ANALISIS AWAL

### *Theory of the Arrival of The 'Alawiyyīn In The Malay Archipelago: A Preliminary Analysis*

**Mohd Aizam Mas'od\***

**Mohd Shairawi Mohd Noor\*\***

#### ABSTRACT

*There are various theories of the arrival of Islam in the Malay archipelago. Among them is the theory of the arrival of Islam through the 'Alawiyyīn group, which is based on the descendants of 'Alī Ibn Abī Tālib. This theory gives rise to perceptions that another movement precedes the Ahli Sunah Waljamaah movement in the Malay archipelago. This matter needs to be explained thoroughly to avoid confusion in responding to the school of thought adopted and spread by the descendants of Ahl al-Bayt in all parts of the Islamic world. Therefore, this study aims to analyze the theory of the arrival of the 'Alawiyyīn group by bringing arguments either from the point of view of history or related narrations. Through the documentation method in the data collection method, this study refers to several works related to the history of the arrival of Islam in the Malay archipelago and its relationship with Ahl al-Bayt. The study found that the descendants of the Ahl al-Bayt or 'Alawiyyīn who spread Islam in the Malay archipelago adhere to the Ahl Sunnah*

---

\* Senior Assistant Director, Halal Management Division, Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), 62100 Putrajaya, Malaysia. [aizam@islam.gov.my](mailto:aizam@islam.gov.my)

\*\* Islamic Affairs Officer, Mufti of Federal Territory's Office, 62100 Putrajaya, Malaysia. [shairawi@muftiwp.gov.my](mailto:shairawi@muftiwp.gov.my)

*Waljamaah beliefs of the Asha'irah creed and the Shāfi'ī sect.*

**Keywords:** *Theory of the Arrival; 'Alawiyyīn; Ahl al-Bayt; Malay Archipelago; Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.*

## PENDAHULUAN

Mazhab umat Islam di Nusantara adalah berpegang dengan Ahli Sunah Waljamaah menurut kefahaman Mazhab Shāfi'ī dalam fiqh dan Mazhab *Asha'irah-Māturīdiyyah* dalam akidah. Pegangan ini telah dianuti oleh bangsa Melayu sejak turun temurun. Kenyataan ini berasaskan realiti yang berlaku sekurang-kurangnya bermula pada abad ke-17 Masihi. Ketika zaman keagungan Aceh, aliran *Ilm al-Kalām* dalam pengajian akidah berdasarkan fahaman *Asha'irah* mahupun *Māturīdiyyah* berkembang dengan begitu pesat. Antara tokoh yang mempeloporinya termasuklah Bukhāri al-Jawhāri pengarang kitab *Tāj al-Salāṭin* yang membahaskan tentang mengenal diri dan Tuhan sebagaimana yang terkandung dalam ajaran Imam al-Ghazali.<sup>1</sup> Kitab ini bukan sahaja dianggap sebagai kitab pertama yang menonjolkan fahaman *Asha'irah* menurut tafsiran Imam al-Ghazali bahkan mungkin merupakan kitab pertama dalam Bahasa Melayu yang diketahui nama penyusunnya.

Selain itu, terdapat dua orang ulama besar yang membahaskan persoalan akidah di Alam Melayu, iaitu Nūr al-Dīn al-Rānirī (1658) dan 'Abd al-Ra'ūf Fanṣūrī (1620-1693). Mengenai Nūr al-Dīn, beliau membincangkan fahaman *Māturīdiyyah* yang bermazhab Ḥanafī dengan menterjemahkan kitab *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafīyyah* oleh Sa'd al-Dīn al-Taftāzānī dan diberi judul *Durrah al-Farā'id bi Sharḥ al-'Aqā'id*.<sup>2</sup> Pengaruh ajaran *Māturīdiyyah* juga dapat dilihat dalam karya Nūr al-Dīn al-Rānirī yang berjudul *Hidāyah al-Imām* yang membincangkan masalah

---

<sup>1</sup> Bukhari al-Jauhari, *Taj Us-Salatin*, ed. Khalid Hussain (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966). 28-34.

<sup>2</sup> Lihat perbahasannya dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Oldest Known Malay Manuscript: A Century of the 'Aqaid of Al-Nasafi*, (Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan, Universiti Malaya, 1988).

zat, sifat dan perbuatan Allah SWT serta kebenaran rasul dan rukun Islam yang lima.<sup>3</sup> Manakala 'Abd al-Ra'ūf Fansūri yang juga dikenali dengan nama 'Abd al-Ra'ūf Singkil mengupas ilmu akidah yang terkandung dalam kitab tasawufnya berjudul '*Umdah al-Muhtājīn* yang dianggap sebagai ulama pertama mengajarkan Sifat Dua Puluh. Beliau mengupas sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT.<sup>4</sup>

Pada abad ke-18, Muhammad Zayn Faqih Jalal al-Din al-Ashi telah menterjemahkan serta mengubahsuai kitab yang bertajuk *Umm al-Barāhīn* oleh al-Sanusi yang membahas tentang ajaran Sifat Dua Puluh kemudiannya diberi tajuk *Bidāyah al-Hidāyah*.<sup>5</sup> Selepas itu muncul beberapa buah kitab tentang akidah yang berasaskan kitab *Umm al-Barāhīn* tersebut seperti *Zuhrah al-Murīd fi Bayān Kalimah al-Tawhīd* oleh 'Abd al-Samad al-Falimbani<sup>6</sup> dan *Zarī'ah al-Yaqīn* oleh Nawawi al-Bantani.<sup>7</sup> Pada abad ke-19, kitab-kitab akidah yang membahaskan tentang ajaran Sifat Dua Puluh semakin bertambah. Antara yang penting termasuklah *Ini Kitab Sifat Dua Puluh* oleh Sayyid Uthman bin Yahya al-Betawi.<sup>8</sup> Begitu juga kitab bertajuk *Sirāj al-Huda* susunan Muhammad Zayn al-Din bin Muhammad Badawi al-Sambawi dan kitab '*Aqīdah al-Nājīn* karangan Zayn al-Abidin Muhammad al-Fatani.<sup>9</sup>

Pada abad ke-20, lahir seorang alim yang produktif dalam bidang penulisan iaitu Shaykh Daud bin Abd Allah al-Fatani. Antara kitab-kitab beliau yang terkenal termasuklah *al-Durr al-Thamīn* dan Sifat Dua

---

<sup>3</sup> Mohd Nor Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Scholars*, (Singapore: Institute of Southeast Studies, 1983), 5.

<sup>4</sup> Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, "Asal-Usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Ash'ari dan Asya'irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1994), 84-106.

<sup>5</sup> Lihat Muhammad Zayn Faqih Jalal al-Din al-Ashi, *Bidayah al-Hidayah* (Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'a al-Ma'arif, t.t).

<sup>6</sup> Lihat Wan Muhd Shaghir *Abdullah, Syeikh Abdus Samad al-Falimbani Sufi Yang Syahid fi Sab* (Kalimantan: Yayasan al-Fatanah, 1982).

<sup>7</sup> Snouck Hurgronje, *Mekka in the Letter Part of The 19th Century*, (Leiden: E.J. Brill, 1970), 268-272.

<sup>8</sup> Lihat Uthman bin Yabya al-Betawi, *Ini Kitab Sifat Dua Puluh*, (Pulau Pinang: Dar al-Ma'arif, t.t).

<sup>9</sup> Omar Awang, "The Umm al-Barahin of al-Sanusi", *Jurnal Nusantara*, bil. 2 (Julai 1972), 157-168.

Puluh. Di Kelantan terdapat tokoh yang terkenal dengan gelaran Tuan Tabal turut membahaskan masalah Sifat Dua Puluh dalam kitabnya yang bertajuk *Kifāyah al-‘Awam*. Di Kedah pula terdapat seorang ulama daripada keturunan Muhammad Arshad al-Banjari iaitu Muhammad Tayb bin Mas‘ud al-Banjari yang membahaskan ajaran Sifat Dua Puluh dalam kitabnya bertajuk *Miftāh al-Jannah*.<sup>10</sup>

Berdasarkan fakta-fakta ini jelas menunjukkan betapa umat Melayu Islam di Tanah Melayu telah turun temurun menganut fahaman Ahli Sunah Waljamaah berteraskan *Asha‘irah* atau *Māturīdiyyah* dalam berakidah. Aliran ini jelas terbukti menjadi anutan yang sangat kukuh dan konsisten dalam masyarakat Melayu Islam sejak zaman berzaman. Oleh itu, apabila terdapat teori yang mengatakan wujud aliran lain yang mendahului aliran Ahli Sunah Waljamaah dalam masyarakat Melayu di Nusantara, ia perlu dibuktikan secara tuntas kerana realiti semasa adalah menyalahi dengan teori yang dikemukakan.

Oleh hal yang demikian, penulis akan meneliti kembali sejarah kedatangan Islam ke Nusantara secara umumnya dan ke Malaysia secara khususnya. Hal ini amat penting bagi mengenalpasti daripada arah manakah sumber agama Islam yang sampai ke Alam Melayu. Kemudian penulis akan mengkaji aliran terawal yang mula-mula dianut oleh masyarakat Islam di Malaysia berdasarkan fakta dan bukti sejarah.

## **TEORI KEDATANGAN ISLAM DI NUSANTARA**

Berdasarkan penelitian sejarah, kedatangan Islam ke Tanah Melayu jauh lebih awal daripada apa yang dicadangkan oleh ahli-ahli sejarah Barat. Terdapat penemuan batu nisan di Teluk Cik Munah, Pekan, Pahang yang bertarikh pada 14 Rabi‘ al-Awwal 419H/1028M, menunjukkan bahawa Islam telah pun tersebar di situ seawal abad ke-11 Masihi.<sup>11</sup> Begitu juga

---

<sup>10</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Islam di Kelantan* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983), 22-25.

<sup>11</sup> Lihat perbincangan tentang penemuan ini oleh Mohd Mokhtar bin Shafii, "Batu Nesan Kurun ke-5H/10M di Pekan Pahang", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, ed. Khoo, Kay Kim, Fadzil Othman, Abdullah Zakaria Ghazali, Amat Adam, Nik Abdul Aziz Nik Hassan, Jazamuddin Baharuddin, Khozimi (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 13-28.

penemuan batu nisan milik Shaykh 'Abd al-Qadir bin Husayn Shah Alirah bertarikh 29011/902M di Tanjung Ingggris, Alor Setar, Kedah menunjukkan bahawa Islam telah diperkenalkan di kawasan tersebut pada abad ke-10.<sup>12</sup> Penemuan dinar emas di Kelantan bertarikh 57711/1181M pula menunjukkan bahawa Islam telah diamalkan dan berpengaruh di negeri tersebut menjelang abad ke-12 Masihi.<sup>13</sup>

Semua bukti ini menunjukkan pendapat sarjana Barat seperti B. Schrieke dan disokong oleh beberapa orientalis lain yang mendakwa proses pengislaman di Alam Melayu hanya berlaku menjelang abad ke-16 Masihi adalah suatu hujah yang lemah dan tidak boleh dipertahankan. Malahan pendapat ini cuba mengaitkan faktor pemesatan penyebaran Islam di Alam Melayu berpunca daripada persaingan antara pedagang Islam dengan orang Portugis yang berjaya menakluki Melaka pada tahun 1511.<sup>14</sup> Namun begitu, bukti menunjukkan proses pengislaman telah berlaku jauh lebih awal dari abad tersebut. Bahkan Islam kemudiannya telah berjaya memainkan peranan penting mencorakkan perjalanan sejarah dan pembentukan peradaban masyarakat Melayu walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Oleh kerana terdapat banyak perbezaan mengenai penentuan tarikh kemasukan Islam ke Alam Melayu, maka dapat diandaikan bahawa proses kemasukan Islam berlaku daripada pelbagai pihak. Hasil daripada penelitian para pengkaji sejarah, disimpulkan sekurang-kurangnya terdapat tiga teori utama asal-usul para pendakwah dan mubaligh yang membawa Islam ke Alam Melayu. Pertama, teori yang mengatakan bahawa para pendakwah itu berasal dari negara Arab;

---

<sup>12</sup> Abdullah Hj Ishak, "Kedah Dahului Melaka Terima Islam", *Al-Islam*, jld. 15, no. 10, 1988, 28-30.

<sup>13</sup> Sa'ad Shukri, Hj. Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan*, (Kota Bharu: Pustaka Aman, 1971), 28; Wan Hussien Azmi, "Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-10M)" dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, ed. Khoo, Kay Kim, Fadzil Othman, Abdullah Zakaria Ghazali, Amat Adam, Nik Abdul Aziz Nik Hassan, Jazamuddin Baharuddin, Khozimi (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 135.

<sup>14</sup> B. Schricke, *Indonesian Sociological Studies*, (The Hague and Bandung: W. Van Hoeve Ltd., 1957), 231-237; Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1990), 17-18.

kedua, pendapat yang mengatakan mereka datang dari India dan ketiga, pendapat yang mengatakan mereka berasal dari negara China atau Indo-China. Ini merupakan tiga teori populer yang sering dibincangkan oleh para pengkaji sejarah.

Namun demikian, pendapat yang kuat adalah Islam sampai ke Nusantara menerusi orang Arab. Menurut A. Hasymi, terdapat fakta dan bukti yang jelas bahawa orang Arab merupakan perintis kepada proses islamisasi di Nusantara pada peringkat awal sebelum kedatangan mubaligh-mubaligh India. Saudagar-saudagar Arab ini telah pun sampai di Alam Melayu sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Mereka datang melalui jalan laut dan jalan darat.<sup>15</sup> Hujah ini juga disokong oleh Hamka dan Arnold dengan menyatakan bahawa semenjak awal abad pertama hijrah lagi orang-orang Arab telah datang ke Alam Melayu melalui jalan tersebut.<sup>16</sup>

Begitu juga teori kedatangan Islam dari China. Ia juga adalah hasil peranan orang Arab. T. W. Arnold dalam bukunya "The Preaching of Islam" menyatakan kemungkinan Islam datang ke Kepulauan Nusantara pada permulaan abad hijrah. Ini kerana, pada tahun 674 Masihi terdapat seorang pemimpin Arab datang ke negeri China dan beliau mempunyai pengikut-pengikutnya di Pantai Barat Sumatera.<sup>17</sup>

Menurut Hamka, pengislaman masyarakat di Alam Melayu dilakukan oleh seorang syeikh atau wali Allah dari Arab, alasannya ialah orang-orang Arab telah pun mengadakan hubungan perdagangan dengan India dan Mesir sejak abad pertama hijrah lagi, di samping mengadakan hubungan dengan Nanhai (Asia Tenggara) sehingga abad ke-9. Maksudnya, mereka menguasai jalan perdagangan laut antara Mesir, India, Asia Tenggara dan China serta mendirikan penempatan-

---

<sup>15</sup> A. Hasjmy, *Sedjarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia* (Acheh Pt. Al-Maarif Penerbit Percetakan Offset, 1981), 176.

<sup>16</sup> Hamka, "Pengaruh Islam Dalam Sastera Melayu", dalam *Islam dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 1977), 420; Arnold, Thomas Walker, *The Preaching of Islam: A History of The Propagation of Muslim Faith*, (Pakistan: Sh. Muhd Ashraf Kashmiri Bazar Lahore, 1979), 367.

<sup>17</sup> Ibid.

penempatan di kawasan pantai Nusantara sejak abad pertama hijrah lagi.<sup>18</sup>

Hubungan perdagangan bangsa Arab dan Parsi dengan daerah Nusantara juga dikatakan sudah pun berlaku sejak sebelum kelahiran Islam lagi.<sup>19</sup> Sesungguhnya pusat perniagaan di Zafar al-Hamud<sup>20</sup> yang terletak di selatan Semenanjung Tanah Arab merupakan tempat persinggahan perdagangan sama ada melalui jalan darat mahupun jalan laut. Oleh kerana keperluan yang tinggi bagi mendapatkan barang-barang dagangan yang hanya terletak di Nusantara seperti lada hitam, rempah, bunga cengkih, kemenyan, kapur barus dan buah pala yang diperlukan di Asia Barat dan Mediterranean, pedagang-pedagang tersebut telah terdorong untuk datang ke Nusantara.<sup>21</sup>

Daripada kenyataan di atas dapatlah ditegaskan bahawa seolah-olah terdapat kesepakatan dalam kalangan para sarjana Islam mengenai berlakunya hubungan di antara pedagang-pedagang Asia Barat dengan Nusantara sejak sebelum kemunculan Islam lagi. Motif perhubungan antara mereka ketika itu adalah semata-mata mengenai perdagangan. Hubungan antara mereka dikatakan berlaku sejak sebelum abad kelima Masihi lagi dan berkekalan sehingga kelahiran Islam pada kurun ketujuh Masihi.<sup>22</sup>

Kedatangan Islam ke Nusantara selain daripada yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW, juga dikatakan berlaku pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, khususnya pada zaman Khalifah 'Umar al-Khattab (634-644M). Pada zaman pemerintahan beliau, kekuasaan Islam telah

---

<sup>18</sup> Hamka, *Sejarah Umat Islam*, (Singapura: Pustaka Nasional, 1997), 670 & 677.

<sup>19</sup> Hamdan Hassan, "Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Aceh, dalam dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, ed. Khoo, Kay Kim, Fadzil Othman, Abdullah Zakaria Ghazali, Amat Adam, Nik Abdul Aziz Nik Hassan, Jazamuddin Baharuddin, Khozimi (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 71.

<sup>20</sup> Muḥammad Ibn 'Abd Allāh al-Lawāṭī al-Ṭanjī Ibn Baṭṭūṭah, *Tuḥfat al-nuẓẓār fī gharā'ib al-amṣār wa-'ajā'ib al-asfār (Riḥlat Ibn Baṭṭūṭah)*, (Beirut: Muassasah Risalah, 1405H), 1: 285.

<sup>21</sup> Dada Meuraxa, *Sejarah Masuknya Islam ke Bandar Baru Sumatera Utara*, (Medan: Penerbit Sasterawan, 1973), 48.

<sup>22</sup> Tibbetts, Gerald Randall. "Early Muslim traders in south-east Asia." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 30, no. 1 (177 (1957): 1-45.

pun sampai ke Rom dan Parsi. Menurut sejarah, terdapat ramai dalam kalangan orang-orang Parsi memeluk Islam. Begitu juga dengan keturunan Parsi yang berada di Perlak dan Pasai. Keadaan yang sama juga berlaku di China. Menurut catatan China, penerimaan Islam oleh pedagang-pedagang Arab yang bermastautin di China telah berlaku apabila diketahui bahawa seluruh Semenanjung Tanah Arab telah memeluk Islam. Tindakan ini berlaku menjelang kewafatan Rasulullah SAW dan pada zaman awal pemerintahan Khalifah Abu Bakr al-Siddiq (632-634M). Penerimaan Islam oleh orang-orang Arab tersebut kemungkinan besar telah mempengaruhi orang-orang China untuk memeluk Islam. Berdasarkan kepada beberapa fakta di atas, tidak dinafikan bahawa Islam telah diterima di Nusantara sejak zaman Rasulullah SAW dan zaman Khulafa' al-Rasyidin lagi.<sup>23</sup>

Manakala pada zaman Kerajaan Bani Umayyah (661-750M) dan Bani Abbasiyyah (750-1258M), bukti-bukti yang lebih jelas tentang kedatangan Islam ke Nusantara telah pun menjadi kenyataan. Seperti yang dinyatakan oleh Arnold, pada tahun 674 Masihi telah wujud penempatan orang-orang Arab Islam di pantai barat Sumatera.<sup>24</sup> Hall pula berpendapat kedatangan Islam ke daerah tersebut lebih awal daripada yang dicadangkan oleh Arnold.<sup>25</sup> Begitu juga terdapat penempatan orang-orang Arab Islam yang digelar "Ta-Shih" di Jawa pada sekitar tahun tersebut.<sup>26</sup> Tarikh tersebut adalah berlaku pada zaman kerajaan Bani Umayyah yang pada ketika itu diperintah oleh pengasasnya Mu'awiyah Ibn Abu Sufyan (661-680M).

J. C. Van Leur menyatakan bahawa rombongan sahabat Nabi yang diketuai oleh Wahab Ibn Abi Qabāḥah telah mengunjungi Riau pada tahun 627 Masihi selama lima tahun dan wujud perkampungan Arab di Sumatera Timur pada tahun 674 Masihi.<sup>27</sup> Pendapat ini telah

---

<sup>23</sup> Ibid., 2

<sup>24</sup> Arnold, Thomas Walker, *The Preaching of Islam*, 367.

<sup>25</sup> Daniel George Edward Hall, *A History of South-East Asia* (New York: St Martin's Press, 1968), 190.

<sup>26</sup> Tibbetts, Gerald Randall. "Early Muslim traders in south-east Asia." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 30, no. 1 (177 (1957): 1-45.

<sup>27</sup> J. C. Van Leur, *Indonesia Trade and Society* (Bandung: W. Van Hoeve, 1955), 18.



disokong oleh John Crawford<sup>28</sup> yang menyatakan tarikh kedatangan Islam ke Nusantara sejak abad ke-7 Masihi dibawa oleh pedagang-pedagang Arab. Teori ini disokong dengan hujah telah wujud penempatan orang-orang Islam Arab di Sumatera Timur (San-Fu-Chi) - Sriwijaya Palembang dalam tahun 674 Masihi.<sup>29</sup>

Selain itu, terdapat catatan yang melaporkan bahawa Mu'awiyah pernah berusaha memonopoli perdagangan rempah supaya bekalannya tidak bergantung semata-mata kepada Dinasti Tang.<sup>30</sup> Mu'awiyah juga dilaporkan pernah menghantar utusan kepada Raja Sriwijaya, Lokitarman supaya memeluk Islam di samping membuat hubungan dagangan dengan Damsyik. Usaha dakwah Islamiyah di Nusantara dikatakan lebih berjaya pada zaman Khalifah 'Umar Ibn 'Abd al-Aziz (717-720M).<sup>31</sup>

Pada zaman beliau, Islam telah tersebar dengan meluasnya ke Mesir, Syam, Parsi dan Sind. Di Nusantara pula Raja Sriwijaya di Jambi, iaitu Sindravarman telah memeluk Islam pada tahun 718 Masihi. Kemudian pada tahun 726 Masihi, Raja Jay Sima, iaitu Putera Ratu Sima bagi Kerajaan Kalinga, Jawa Timur turut memeluk Islam. Kegiatan dakwah bukan sahaja dilakukan oleh pihak kerajaan Bani Umayyah, bahkan usaha ini telah dijalankan oleh pihak persendirian.<sup>32</sup>

Dalam hal ini, Syed Muhammad Naquib al-Attas yang merupakan seorang penyokong kuat teori kedatangan Islam dari Arab, beliau bukan sahaja melihat kepada faktor luaran (*external*), malah juga menekankan kepada faktor dalaman (*internal*). Dari segi faktor dalaman, beliau melihat dari sudut bahasa dan kesusasteraan. Kebanyakannya

---

<sup>28</sup> John Crawford, *History of the Indian Archipelago* (United States: Harvard University Press, 1967), 11: 104

<sup>29</sup> Arnold, Thomas Walker, *The Preaching of Islam*, 368.

<sup>30</sup> Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara* (Kuala Lumpur Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, al-Rahmaniah, 1990), 31.

<sup>31</sup> Ahmad al-Shalabī, *Mausū'ah al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Haḍārah al-Islāmiyyah* (Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1996), 4: 170.

<sup>32</sup> Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara*, 30.

merujuk kepada sumber-sumber tulisan lama Islam yang ditulis oleh orang-orang yang berasal dari Arab atau Parsi.<sup>33</sup>

Selain itu, kefahaman tentang agama Islam banyak dipengaruhi dari Timur Tengah. Contohnya, tulisan jawi dan huruf-hurufnya, cara bacaan al-Quran, penjelasan akidah dan sebagainya. Tiada langsung yang dikatakan hasil rujukan dan bacaannya dipengaruhi dari India. Beliau juga menegaskan bahawa teori umum berkaitan dengan proses ini memperlihatkan perubahan konsep-konsep dan sejarah Islam Melayu Indonesia telah membuktikan ia datang daripada sumber asalnya iaitu Arab. Contohnya, manuskrip manuskrip yang ditulis dalam bahasa Arab, syariah, metafizik, falsafah, semuanya dari bahasa Arab dan Parsi.<sup>34</sup>

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas adalah amat jelas bahawa kefahaman Islam yang dibawa oleh mereka itu berbentuk Asia Barat, bukan India. Tambahan pula kandungan dan cara penghuraian akidah, pelbagai mazhab tasawuf, peri bentuk tulisan Jawi serta corak beberapa hurufnya, nama gelaran bagi hari-hari, mingguan, cara melafazkan al-Quran dan beberapa perkara penting lainnya, menjelaskan ciri-ciri tegas bangsa Arab, bukan India, sebagai pembawa dan penyebar asli agama Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia.<sup>35</sup>

Dengan penerimaan idea ini dapatlah meyakinkan kita bahawa kandungan ajaran Islam yang sampai kepada umat Islam di Malaysia adalah daripada sumber yang asal iaitu sumber Arab yang menyampaikan Islam itu daripada sumbernya yang asli. Jikalau Islam itu datangnya daripada sumber yang bukan Arab maka ia akan terbuka kepada pelbagai tuduhan dan tohmahan terhadap kesahihan dan keaslian pengajaran Islam itu sendiri, lantaran datangnya daripada sumber sekunder yang mungkin telah dipengaruhi unsur-unsur tempatan.

---

<sup>33</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur Angkatan Belia Islam Malaysia, 1990), 33-34.

<sup>34</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago* (Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), 1-2.

<sup>35</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 34.

Sewaktu kedatangan Islam di Malaysia, sama ada dalam abad ke-10 atau abad ke-14 Masihi ternyata jelas bahawa pemikiran Mazhab tertentu telah menguasai kehidupan masyarakat di negara-negara Islam sejak abad ke-10 Masihi sama ada dalam bidang ilmu kalam, tasawuf dan lebih-lebih lagi dalam bidang fiqah. Penerimaan mengikuti mazhab fiqh tertentu bagi masyarakat Islam itu telah diterima oleh majoriti ulama sejak abad ke-10 Masihi berasaskan persetujuan mereka bahawa pintu ijtihad tidak terbuka lagi dan setiap Muslim dikehendaki mengikuti salah satu daripada mazhab yang empat iaitu Mālikī, Ḥanafī, Shāfi'ī dan Ḥanbalī.<sup>36</sup>

Memandangkan pendakwah-pendakwah yang datang ke kawasan ini pernah berada di negara-negara tempat mazhab fiqah tertentu bertapak, maka sudah tentu mereka juga terpengaruh dan mengikuti aliran mazhab yang berkembang di situ. Oleh itu, amat jelas bahawa para pendakwah yang datang adalah beraliran Mazhab *Shāfi'ī* dalam bidang fiqah. Hal ini menunjukkan bahawa sama ada mereka itu datang dari Arab, China mahupun India, mereka menganut aliran Mazhab *Shāfi'ī* yang juga berasal usul dari Tanah Arab. Oleh hal yang demikian, amat sukar untuk menafikan dakwah Islam yang sampai ke Nusantara atau Tanah Melayu secara khususnya, sebagai bukan berasal daripada sumber yang asli iaitu bangsa Arab.

Setelah melihat kepada beberapa pandangan ahli-ahli sejarah Islam dan Barat yang mengemukakan pandangan masing-masing berdasarkan bukti yang jelas, penulis merumuskan kedatangan Islam ke Alam Melayu adalah berasal daripada para pedagang dan pendakwah Islam dari Semenanjung Tanah Arab. Ia berlaku seawal kurun pertama hijrah atau kurun ke-7 Masihi. Hal ini dapat dibuktikan secara kasarnya dengan melihat kepada pelbagai pengaruh luaran dan dalaman di dalam masyarakat Melayu-Islam dalam pelbagai aspek seperti Mazhab, bahasa, budaya, sastera, sejarah dan realiti semasa.

Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas yang mengatakan bahawa pendakwah-pendakwah itu datang dari satu tempat iaitu Asia

---

<sup>36</sup> Subḥi Rajab Maḥmaṣānī, *Falsafah al-Tashrī' fī al-Islām* (Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyin, 1961), 36.

Barat, namun sebelum sampai ke Alam Melayu mereka terlebih dahulu singgah di India, China atau tempat-tempat lain bagi tujuan perdagangan dan penyebaran agama Islam adalah sangat relevan.<sup>37</sup> Berdasarkan teori ini, penulis akan runkaikan pada subtopik seterusnya mengenai bentuk aliran Islam yang mula-mula sampai ke Malaysia atau Tanah Melayu.

## TEORI KEDATANGAN GOLONGAN ‘ALAWIYYĪN DI NUSANTARA

Menurut Sayyid Alwi al-Haddad, sekelompok Arab berketurunan ‘Alawiyyīn telah melarikan diri ke Champa akibat kekejaman tentera al-Ḥajjāj. Beliau menukilkan penjelasan al-Nuwayrī (w.733h) dalam kitabnya, *Nihāyah al-Arab fī Funūn al-‘Adab* yang menyatakan di sebelah Timur negeri China terdapat sekumpulan bangsa Arab yang merupakan para penyokong ‘Alī Ibn Abī Tālib dikenali sebagai ‘Alawiyyīn mendiami Sila. Mereka datang ke Sila menerusi Champa.<sup>38</sup> Al-Nuwayrī dalam karya yang sama memaksudkan ‘Alawiyyīn sebagai keturunan ‘Alī Ibn Abī Tālib Ibn ‘Abd al-Muṭālib yang terdiri daripada lima cabang iaitu; Banū al-Ḥasan Ibn ‘Alī, Banū al-Ḥusayn Ibn ‘Alī, Banū Muḥammad Ibn al-Ḥanafīyyah, Banū al-‘Abbas al-Saqā’ Ibn ‘Alī dan Banū ‘Umar al-Aīrāf Ibn ‘Alī.<sup>39</sup>

Walau bagaimanapun, fakta yang mendakwa bahawa al-Ḥajjāj dan tenteranya telah melakukan kekejaman terhadap keturunan ‘Alawiyyīn atau *Banī Hāshim* masih boleh dipertikaikan. Ini kerana fakta tersebut tidak tepat sepertimana menurut Al-Dhazabī yang mengatakan:

“Maka adakah menjadi pendukung kepada keluarga Rasulullah SAW orang yang memberikan kuasa kepada golongan kafir untuk membunuh dan menawan mereka dan sekaligus umat Islam (?), sedangkan mereka berdusta terhadap al-Ḥajjāj dan selainnya kononnya

---

<sup>37</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 32-33.

<sup>38</sup> Alwi bin Tahir al-Haddad, *Sejarah Masuknya Islam di Timur Jauh*, terj. S. Muhammad Dhiya Syahab (Jakarta: Penerbit Lantera, 1997), 40.

<sup>39</sup> Aḥmad Ibn ‘Abd al-Wahhāb al-Nuwayrī, *Nihāyah al-Arab fī Funūn al-‘Adab* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 2: 371.

dia (al-Ḥajjāj) telah membunuh golongan ashraf (keturunan Banī Hāshim), padahal al-Ḥajjāj tidak membunuh seorang pun Banī Hāshim walaupun dengan kezaliman dan kekejamannya. Sesungguhnya (Khalifah) 'Abd al-Mālik telah melarangnya daripada (melakukan) sedemikian, namun yang dia bunuh adalah orang daripada kalangan bangsawan Arab selain Banī Hāshim. Malah dia (al-Ḥajjāj) telah mengahwini seorang wanita Banī Hāshim iaitu anak perempuan 'Abd Allah Ibn Ja'far...''<sup>40</sup>

Al-Ṭabarānī pula telah meriwayatkan dengan sanad yang sahih dan Ibn Ma'īn dalam *al-Tārīkh* dengan sanad yang hasan bahawa al-Ḥajjāj telah berkata pada suatu hari:

“Sesiapa yang ditimpa bencana, maka bangunlah, kami hendak memberikannya (bantuan) atas bencananya. Lalu seorang lelaki bernama Sinān bangun dan berkata: Aku telah membunuh Ḥusayn. (Al-Ḥajjāj) berkata: Bagaimana kamu membunuhnya? (Sinān berkata): Aku telah menusuknya dengan tombak, lalu mencincangnya dengan pedang, tiada seorang pun yang bersama-sama denganku membunuhnya. (Al-Ḥajjāj) berkata: Adapun kamu dan dia tidak akan berkumpul di tempat yang sama (syurga)! (Al-Ḥajjāj) mengeluarkannya dan tidak memberikan sesuatu pun kepadanya.”<sup>41</sup>

---

<sup>40</sup> Shams al-Dīn al-Dhahabī, *al-Muntaqā min Minhāj al-I'tidāl fī Naqḍ Kalām Ahl al-Rafd wa al-I'tizāl*, (Riyād: al-Ri'āṣah al-Āmmah li Idārah al-Buḥūth al-Īlmiyyah wa al-Iftā' wa al-Da'wah wa al-Irshād, 1993), 340.

<sup>41</sup> Sulaymān Ibn Aḥmad al-Ṭabarānī, *al-Mu'jam al-Kabīr* (Māṣil: Maktabah al-ʿUlūm wa al-Ḥikam, 1983), 3: 111; Abū Zakariyyā Yaḥyā Ibn Ma'īn, *Tārīkh Ibn Ma'īn (Riwāyah al-Dūrī)*, (Makkah: Markaz al-Baḥth al-ʿIlmī wa Ihyā' al-Turāth al-Islamī, 1979), 3: 498.

Menurut al-Ṣallābī dalam kitab *al-Dawlah al-Islāmiyyah*:

“Sesungguhnya al-Ḥajjāj menghormati Ahl al-Bayt dan memuliakan mereka... dan apa yang disebut dalam kitab-kitab sejarah tentang keadaan al-Ḥajjāj yang melancarkan permusuhan terhadap Ahl al-Bayt tidak benar, khususnya jika kita mengetahui bahawa layanan (Khalifah) ‘Abd al-Mālik terhadap Ahl al-Bayt dan kesungguhannya untuk tidak mengganggu mereka daripada dekat mahupun jauh selagimana mereka tidak cuba mendekati kerusi khilafah dan berusaha untuk mencapainya.”<sup>42</sup>

Menurut Ibn Kathīr, telah diriwayatkan mengenai al-Ḥajjāj lafaz-lafaz kesat dan keji yang pada zahirnya kekufuran. Namun begitu, ada kemungkinan beliau telah bertaubat dan menyesali perbuatannya, jika tidak maka beliau kekal bertanggungjawab atas segala perbuatannya.

Oleh hal yang demikian, fakta yang mengatakan bahawa terdapat golongan *Banī Hāshim* atau *Ahl al-Bayt* yang ditindas atau dizalimi terutamanya pada zaman Bani Umayyah atau lebih khusus pada zaman al-Ḥajjāj tidak boleh diterima secara mutlak. Terdapat banyak fakta yang jelas menunjukkan bahawa golongan *‘Alawiyyīn* atau keturunan Rasulullah SAW yang berdakwah ke luar Tanah Arab itu berfahaman Ahli Sunah Waljamaah.

Al-Attas mengatakan istilah *‘Alawiyyīn* pada zaman sejarah Islam adalah merujuk kepada keturunan ‘Alī Ibn Abī Ṭālib dan isterinya Fāṭimah. Pada zaman Banī Umayyah dan Banī ‘Abbāsiyyah, *‘Alawiyyīn* lebih merujuk kepada pengikut atau parti ‘Alī, iaitu golongan yang mendukung beliau selepas kewafatan Nabi SAW. Ia hanya sebuah kumpulan politik sebelum kemudiannya didakwa oleh puak Syiah sebagai asal ajaran mereka.<sup>43</sup>

---

<sup>42</sup> ‘Alī Muḥammad al-Ṣallābī, *al-Dawlah al-Umawīyyah: ‘Awāmil al-Izdihār wa Tadā‘iyāt al-Inhiyār* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2008), 1: 680.

<sup>43</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Historical Fact and Fiction* (Johor Bahru: UTM Press, 2012), 13.

## PERKAITAN GOLONGAN 'ALAWIYYĪN DENGAN 'ARAB ḤADRAMI

Teori tentang kedatangan para pendakwah berketurunan Rasulullah SAW atau 'Alawiyyīn ke Nusantara sangat berkait rapat dengan golongan 'Arab Ḥadramī. Menurut rekod sejarah, masyarakat 'Arab Ḥadramī merupakan individu-individu penting yang berhijrah ke negara luar dalam usaha membawa agama Islam seawal abad ke-7 Masihi seumpama ke Afrika Timur (Kenya, Somalia, Tanzania), Hydrabad India, Kepulauan Indonesia dan kawasan berdekatan seperti Tanah Melayu, Vietnam, Burma, Thailand dan Kemboja.<sup>44</sup> Faktor migrasi dilakukan adalah disebabkan perdagangan, menyebarkan dakwah Islam serta keadaan tidak kondusif yang dialami di negara asal, antaranya keadaan demografi Hadramaut yang tidak menyokong kelangsungan hidup masyarakatnya, keadaan cuaca yang tidak menentu dan keadaan politik yang tidak stabil.<sup>45</sup>

Sumber-sumber penulisan Arab kontemporari antara lain menjelaskan bahawa melalui amalan perdagangan yang bergerak seiring dengan proses Islamisasi, masyarakat Arab dari Hadramaut ini membawa jualan hasil bumi seumpama ikan kering, batu permata, bahan besi yang berkualiti dan kulit binatang untuk diperdagangkan di negara-negara terbabit.<sup>46</sup>

Dari sudut istilah, gelaran 'Arab Ḥadramī merujuk kepada masyarakat Arab yang menetap di Hadramaut, salah sebuah daerah di negara Yaman. Daerah Hadramaut yang merupakan tempat asal masyarakat Arab ini memiliki sejarah tamadun yang unggul. Ia berdasarkan kedudukan geografinya yang terletak berhampiran dengan Laut Merah yang menjadi laluan penghubung kapal-kapal perdagangan

---

<sup>44</sup> Noryati Abdul Samad, "The Hadhrami Arabs in Southeast Asia: An Introduction" dalam *The Hadhrami Arabs in Southeast Asia With Special Reference to Singapore: An Annotated Bibliography*, (Singapore National Library Board, 2010), 8.

<sup>45</sup> Martin, Bradford G. "Arab migrations to East Africa in medieval times." *The International Journal of African Historical Studies* 7, no. 3 (1974): 367-390.

<sup>46</sup> *Ibid.*, 369.

antara negeri-negeri di sebelah Timur dan Barat.<sup>47</sup> Antara ciri utama bagi mengenal pasti kumpulan bangsa dan etnik 'Arab Ḥaḍramī ini adalah menerusi keturunan mereka.

Majoriti mereka berketurunan Sayyid Bā'lawī, iaitu kumpulan individu yang berasal daripada keturunan Rasulullah SAW daripada sebelah Ḥusayn Ibn 'Alī yang berperanan besar dalam menyebarkan agama Islam di Kepulauan Nusantara.<sup>48</sup> Keturunan ini adalah suku bangsa terbesar yang menggabungkan pelbagai kelompok dan puak sepertimana kaum Badwi di padang pasir. Mereka terdiri dalam kelompok kekeluargaan dan setiap keluarga membawa namanya masing-masing, antaranya al-Attas, al-Saqqāf, al-Kāf atau al-Junayd, al-Ḥaddād, al-Ḥabshī, al-'Aydūs, al-Jufrī, al-Aidīd, al-Khirīd, al-Yahyā, al-Hinduwān dan lain-lain yang dikenali sebagai keturunan Bā'lawī.<sup>49</sup>

Menurut sejarah, Sādah Āl Bā'lawī merujuk kepada datuk mereka iaitu al-Sharīf 'Alawī Ibn 'Ubayd Allah Ibn Aḥmad al-Muhājir Ibn 'Īsa Ibn Muḥammad Ibn 'Alī al-'Urayḍī Ibn Ja'far al-Ṣādiq Ibn Muḥammad al-Bāqir Ibn 'Alī Zayn al-'Ābidīn Ibn Ḥusayn Ibn 'Alī Ibn Abī Ṭālib.<sup>50</sup> Pembentukan keluarga ini di Hadramaut dikenal pasti bermula daripada Aḥmad Ibn 'Īsa yang telah berpindah dari Iraq ke Hadramaut pada tahun 929M. Melalui perpindahan ini, Aḥmad Ibn 'Īsa digelar al-Muhājir bermaksud orang yang berhijrah. Setelah dua abad kemudian, iaitu pada tahun 1127M, sebahagian besar keluarga al-Muhājir yang diketuai oleh 'Alī Ibn 'Alawī telah berpindah ke bandar Tarīm, pusat utama di wilayah Hadramaut. Mereka mula berpengaruh di

---

<sup>47</sup> Mahyuddin Hj. Yahya, *Sejarah orang Syed di Pahang* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 4.

<sup>48</sup> Lee-Warner, William H. "Notes on the Hadhramaut." *Geographical Journal* 77, no. 3 (1931): 217-222.

<sup>49</sup> Mahayudin Hj. Yahya, "Latar Belakang Sejarah Keturunan Sayyid di Malaysia" dalam *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 9.

<sup>50</sup> Zayn Ibn Ibrāhīm Sumayt, *al-Manhaj al-Ṣawī: Sharḥ Uṣūl Tarīqah al-Sādah Āl Bā'Alawī* (Yaman: Dār al-'Ilm wa al-Da'wah, 2005), 19; Muḥammad Ḍiyā' Shihāb, *al-Imām al-Muhājir Aḥmad Ibn 'Īsā Ibn Muḥammad Ibn 'Alī al-'Urayḍī Ibn Ja'far al-Ṣādiq, Mālah wa li Naslih wa li A'immah min Aslāfih min al-Faḍā'il wa al-Ma'āthir* (Arab Saudi: Dār al-Shurūq, 1980), 97.



bandar ini sehingga mereka berjaya mewujudkan sebuah keluarga besar yang dipanggil keluarga Sayyid 'Alawiyyah (Bā'lawī).<sup>51</sup>

Seperti yang ditegaskan sebelum ini, daripada keturunan Aḥmad Ibn 'Īsa al-Muhājir ini, telah muncul ramai kalangan para pendakwah dan alim ulama yang tersebar ke seluruh pelosok Nusantara. Mereka terkenal sebagai para tokoh yang telah memberikan sumbangan besar terhadap penyebaran agama Islam di Afrika Timur dan Selatan, India Selatan, Filipina, Tanah Melayu dan Indonesia.

Menurut Najib Saleeby dalam bukunya *Moro History, Law and Religion* mengatakan bahawa para pendakwah Islam di kepulauan Filipina berasal usul dari keturunan Sayyid 'Alawī Ibn Muḥammad Ibn 'Alawī Ibn 'Abd Allah Ibn al-Muhājir Aḥmad Ibn 'Īsa.<sup>52</sup> Daripada keturunannya lahir ramai tokoh-tokoh yang berkhidmat untuk Islam sehingga nama-nama mereka memenuhi kitab-kitab mengenai perjalanan hidup seseorang tokoh (*al-tarjumah*) mahupun karya-karya mengenai kisah pelayaran (*al-asfār*).

Antaranya termasuklah tokoh ulama di Jawa yang terkenal dengan panggilan Wali Sembilan. Sebahagian besar mereka memiliki susur galur keturunan yang sampai kepada al-Muhājir Aḥmad Ibn 'Īsa. Sebagai contoh, Wali Sembilan yang pertama adalah Mālīk Ibrāhīm Ibn Barakāt Zayn al-'Ālam Ibn Jamāl al-Dīn al-Ḥusayn Ibn Aḥmad Shah Jalāl Ibn 'Abd Allah Ibn 'Abd al-Mālīk Ibn 'Alawī Ibn Muḥammad Ibn 'Alī Ibn 'Alawī Ibn Muḥammad Ibn 'Alawī Ibn 'Abd Allah Ibn al-Muhājir Aḥmad Ibn 'Īsa.

Tokoh yang kedua daripada Wali Sembilan dikenali sebagai Sunan Ampel yang merupakan sepupu kepada Malik Ibrahim. Beliau adalah Ahmad Raḥmatullah Ibn Ibrāhīm Ibn Jamāl al-Dīn al-Ḥusayn Ibn Aḥmad Shāh Jalāl Ibn 'Abd Allah Ibn 'Abd al-Mālīk Ibn 'Alawī Ibn Muḥammad Ibn 'Alī Ibn 'Alawī Ibn Muḥammad Ibn 'Alawī Ibn 'Abd Allah Ibn al-Muhājir Aḥmad Ibn 'Īsa. Tiga orang daripada anak beliau

---

<sup>51</sup> Mahayudin Hj. Yahya, "Latar Belakang Sejarah Keturunan Sayyid di Malaysia", 9.

<sup>52</sup> Najib Mitry Saleeby, *Moro History, Law and Religion* (London: Forgotten Books, 2013), 20.

juga termasuk dalam kalangan Wali Sembilan iaitu Ibrāhīm (digelar Sunan Bonang), Hāshim (digelar Sunan Darjat) dan Ja‘far al-Ṣādiq (digelar Sunan Qudus). Saudara kandung kepada Aḥmad Raḥmatullah iaitu Maulana Ishāq yang dikenali sebagai Sunan Giri turut merupakan salah seorang daripada tokoh Wali Sembilan.<sup>53</sup>

## MAZHAB ANUTAN ‘ARAB ḤADRAMI

Bagi mengetahui bentuk ajaran Islam yang dibawa oleh golongan berketurunan Rasulullah SAW ini ke bumi Nusantara, ia perlu dirujuk kepada individu pertama kelompok ini yang berhijrah ke Hadramaut iaitu Aḥmad Ibn ‘Īsa al-Muhājir. Menurut al-Ḥabīb Zayn Ibn Sumayt, keseluruhan keturunan Bā‘lawī adalah bermazhab Shāfi‘ī dalam fiqah dan beraliran Ahli Sunah Waljamaah Ashā‘irah dalam akidah. Bahkan Aḥmad Ibn ‘Īsa al-Muhājir telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan Mazhab Shāfi‘ī di Hadramaut sekitar tahun 340 Hijrah sebelum ia tersebar ke seluruh Yaman.<sup>54</sup>

Golongan ‘Arab Ḥadramī bukan sahaja setakat menganut Mazhab Shāfi‘ī, tetapi turut berperanan dalam menghidupkan, menyebarkan dan memurnikan pendapat-pendapat dalam mazhab. Ia terzahir menerusi sumbangan tokoh-tokoh seperti ‘Abd Allah Ibn ‘Abd al-Raḥmān Bā‘ubayd (603H), al-Faqīh al-Muqaddam Muḥammad Ibn ‘Alī (653H), Muḥammad Ibn Sa‘d Bā Shukayl (700H), sekalian fuqaha Āl Bā Faḍl, Āl Bā Makhramah, Āl Bā Qushayr dan Āl al-Saqqāf.<sup>55</sup>

Menerusi karya Muḥammad Ibn Abū Bakr al-Shūlī yang menjelaskan biografi mengenai keturunan ‘Alawiyyīn, dapat difahami bahawa Aḥmad Ibn ‘Īsa al-Muhājir dan keturunannya adalah merupakan golongan Ahli Sunah Waljamaah dan bermazhab Shāfi‘ī.<sup>56</sup> Ini selari dengan apa yang menjadi pegangan para ulama dan pendakwah mereka yang tersebar di India, Afrika, Nusantara secara umum, Indonesia secara khusus dan kepulauan Jawa secara lebih khusus. Ia terserlah menerusi

---

<sup>53</sup> Muḥammad Ḍiyā’ Shihāb, *al-Imām al-Muhājir Aḥmad Ibn ‘Īsa*, 180-185.

<sup>54</sup> Zayn Ibn Ibrāhīm Sumayt, *al-Manhaj al-Ṣāwī*, 26-27.

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> Muḥammad Ibn Abū Bakr al-Shūlī, *al-Mashra‘ al-Rāwiy fī Manāqib al-Sādah al-Kirām Āl Abī ‘Alawī* (t.tp.: al-Matba‘ah al-‘Amirah al-Sharafiyyah, 1319H), 1: 32-33.

dakwah Wali Sembilan yang jelas berpegang kepada fahaman Sunnī-Shāfi'ī.<sup>57</sup>

Malahan jika ditelusuri sejarah awal yang mendorong Aḥmad Ibn 'Īsa al-Muhājir berhijrah ke Yaman, ia menzahirkan kesungguhan beliau dalam memelihara kesucian akidah Ahli Sunah Waljamaah yang menjadi pegangan diri dan ahli keluarganya. Ini kerana, punca utama perpindahan beliau adalah disebabkan suasana di Iraq pada waktu itu yang semakin dikuasai oleh golongan *ahl bid'ah* iaitu Syiah *Qarāmiṭah*<sup>58</sup> dan kumpulan *Zanj*<sup>59</sup>. Justeru, pada tahun 317 Hijrah beliau mengambil pendirian untuk keluar dari Basrah menuju ke Hijāz bersama tujuh puluh orang ahli keluarga dan pengikutnya. Beliau menetap sebentar di Makkah dan kemudiannya meneruskan perjalanan hingga sampai ke Hadramaut. Sewaktu tiba di Hadramaut, kebanyakan daerah di sana

---

<sup>57</sup> Muḥammad Diyā' Shihāb, *al-Imām al-Muhājir Aḥmad Ibn 'Īsa*, 174.

<sup>58</sup> *Qarāmiṭah* adalah gerakan kebatinan yang merosakkan Islam. Ia disandarkan kepada individu bernama Hamdan Ibn al-Ash'ath dan digelar sebagai *Qurmūṭ* kerana tubuh dan betisnya yang pendek. Dia berasal dari Khuzastan di Ahwaz, kemudian berpindah ke Kufah. Gerakan ini berpegang kepada organisasi tentera rahsia, zahirnya kelihatan mengikuti *Ahl al-Bayt* dan bersandar kepada Muḥammad Ibn Ismā'īl Ibn Ja'far al-Sadiq, tetapi hakikatnya adalah menolak tuhan, mengharuskan segala perkara, meruntuhkan akhlak dan menghapuskan negara Islam. Lihat al-Nadwah al-'Alamiyyah li al-Shabāb al-Islāmī, *al-Mawsū'ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib wa al-Ahdhāb al-Mu'āsarah* (Riyād: Dār al-Nadwah al-'Ālamiyyah, 1420H), 1: 378. Aḥmad Ibn 'Īsa al-Muhājir dikatakan telah berhijrah keluar dari Basrah ketika golongan Qaramiṭah mula mengancam Basrah pada awal kurun ke empat hijrah. Beliau kemudiannya menuju ke Madinah dan seterusnya ke Mekah iaitu pada tahun yang sama golongan *Qarāmiṭah* telah mencuri *Ḥajar al-Aswād*. Lihat Sumayt, *al-Manhaj al-Ṣāwī*, 19-20.

<sup>59</sup> Kumpulan *Zanj* adalah golongan yang telah melakukan pemberontakan secara besar-besaran pada zaman kerajaan 'Abbasiyyah selama empat belas tahun. Ia bermula semasa pemerintahan Khalifah al-Muhtadi pada tahun 255H dan bertambah kritikal pada zaman Khalifah al-Mu'tamad. Ketua pemberontakan ini adalah seorang lelaki yang mendakwa dirinya berketurunan 'Alawiyyin, dikenali sebagai 'Alī Ibn Muḥammad. Pada awal pemberontakannya di Bahrayn dia turut mengaku sebagai nabi dan mengetahui perkara ghaib. Gerakan ini telah berjaya menguasai selatan Iraq termasuk Basrah, Ahwaz, 'Abdan, Ablah dan Wasit antara tahun 255H-261H. Beliau akhirnya dibunuh setelah berjaya ditawan oleh Khalifah al-Muwaffaq pada tahun 270H. Lihat Muḥammad Ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t), 2: 99-100, 5: 441-444; 'Alī Ibn Muḥammad Ibn al-Athīr, *al-Kāmil fī al-Tārīkh* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1415H), 6: 206-212.

berada di bawah pengaruh aliran Khawārij iaitu *Ibāḍiyyah*<sup>60</sup>. Namun, dengan hikmah dan kebijaksanaan menyampaikan dakwah, beliau berhasil menukarkan anutan asal penduduk tempatan kepada pegangan Ahli Sunah Waljamaah. Menurut catatan sejarah, Mazhab *Ibāḍī* terhapus keseluruhannya di Hadramaut pada tahun 690 Hijrah dengan pusat terakhirnya terletak di bandar Shibam.<sup>61</sup>

Ini bermakna, sejak dahulu lagi golongan *‘Alawiyyīn* adalah penganut Ahli Sunah Waljamaah. Menurut Ahmad Haydar Baharun, ajaran Sunni empat mazhab yang disebar oleh para habaib dan kiyai di Indonesia memiliki sanad yang bersambung dengan para pengasas Mazhab, *tābi ‘ al-tābi ‘n, tabi ‘īn* dan para sahabat. Mereka menerima akidah Ahli Sunah Waljamaah tersebut secara bersambung-sambung hingga sampai kepada keturunan asal mereka iaitu Rasulullah SAW.<sup>62</sup> Ia seperti yang ditegaskan juga oleh al-Ḥabīb ‘Aydrūs Ibn ‘Umar al-Ḥabshī bahawa *‘Alawiyyīn* yang berasal dari Hadramaut seluruhnya adalah penganut Ahli Sunah Waljamaah, aliran *Ashā‘irah* dari sudut akidah dan aliran *Shāfi‘ī* dari sudut mazhab fiqh.<sup>63</sup>

Sebagai contoh, antara tokoh ulama Bā‘lawī yang terkenal adalah al-Ḥabīb ‘Abd Allah Ibn ‘Alawī al-Ḥaddād. Ketika menjelaskan tentang pegangan Bā‘lawī, beliau mengatakan:

“Tarekat kami, jika dilihat dari garis besarnya tidak memerlukan keterangan yang panjang, kerana hakikat

---

<sup>60</sup> *Ibāḍiyyah* merupakan pecahan daripada kelompok Khawarij. Ia disandarkan kepada pengasasnya iaitu ‘Abd Allah Ibn Ibād al-Tamīmī. Para penganutnya mendakwa mereka bukan daripada golongan Khawarij. Hakikatnya, mereka bukan terdiri daripada golongan Khawarij yang ekstrem seperti *Azāriqah*, namun begitu terdapat beberapa doktrin mereka yang menyamai doktrin Khawarij seperti dalam isu menafikan (*ta‘īl*) sifat (Allah SWT), mengatakan al-Quran sebagai makhluk dan mengharuskan pemberontakan ke atas pemerintah yang zalim. Lihat Nadwah al-‘Alamiyyah li al-Shabāb al-Islāmī, *al-Mawsū‘ah al-Muyassarah*, 25: 1

<sup>61</sup> Zayn Ibn Ibrāhīm Sumayt, *al-Manhaj al-Šāwī*, 20.

<sup>62</sup> Ahmad Haydar Baharun, *Madzhab Para Habaib dan Akar Tradisinya* (Jawa Timur: Pustaka Basma, 2013), 39-40.

<sup>63</sup> ‘Aydrūs Ibn ‘Umar al-Ḥabshī, (1317H), *‘Iqd al-Yawāqīt al-Jawhariyyah wa Šimt al-‘Ayn al-Dhahabiyyah bi Zikr Tarīq al-Sādat al-‘Alawiyyah* (t.tp.: al-Maṭba‘ah al-‘Amīrah al-Sharafiyyah, 1317H), 1: 32.

tarekat kami mengikuti tuntutan al-Quran dan al-Sunnah serta mengikuti jejak para *al-salaf al-ṣāliḥ*, bukan yang lain. Tarekat kami adalah tarekat yang dijalani oleh al-Imām Ḥasan al-Baṣrī dan para salaf terdahulu sepertinya.”<sup>64</sup>

Selain itu, al-Ḥabīb 'Abd Allah Ibn 'Alawī al-Ḥaddād menerangkan lebih jelas lagi tentang Tarekat Bā'lawī:

“Mazhab kami adalah mengikuti tuntutan al-Quran dan al-Sunnah dan mengikuti jejak kaum *al-salaf al-ṣāliḥ* dalam segala bidangnya. Kami tidak mengikuti tuntutan kecuali tuntutan Allah SWT, tuntutan Rasulullah dan jejak al-Faqīh al-Muqaddam dan tarekat orang-orang yang menuju kepada Allah SWT dan kami tidak memerlukan tarekat selain tarekat ini. Para pendahulu keluarga Bā'lawī telah menetapkan sejumlah petunjuk bagi kami, kerana itu kami tidak akan mengikuti petunjuk lain yang bertentangan dengan petunjuk mereka.”<sup>65</sup>

Di samping itu, antara amalan yang ditinggalkan oleh al-Ḥabīb 'Abd Allah Ibn 'Alawī al-Ḥaddād termasuklah *Rāṭib al-Ḥaddād*. Menurut 'Abd al-Qādir al-Saqqāf, pembacaan *rāṭib* merupakan kewajipan tersendiri bagi para keturunan 'Alawiyyīn sebagai benteng akidah dan pengikat tradisi yang telah dilakukan oleh para salaf sebelumnya. 'Abd al-Qādir menjelaskan pada asalnya *Rāṭib al-Ḥaddād* disusun atas permintaan dari penduduk Hadramaut apabila mereka mendengar berita tentang kedatangan golongan *Zaydiyyah* pada tahun 1071H. Oleh itu, *Rāṭib al-Ḥaddād* disusun sebagai benteng demi memelihara pegangan akidah Ahli Sunah Waljamaah.<sup>66</sup>

---

<sup>64</sup> Yunus Ali al-Muḥdhor, *Mengenal Lebih Dekat al-Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad* (Surabaya: Cahaya Ilmu, 2010), xv.

<sup>65</sup> *Ibid.*

<sup>66</sup> 'Abd Allah Ibn Aḥmad Bā Sudān, *Dhakhīrah al-Ma'ād bī Sharḥ Rāṭib al-Ḥaddād* (Mesir: al-Bayān al-'Arabiy, 1960), 17.

## KESIMPULAN

Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa majoriti keturunan 'Alawiyyīn yang berada di Nusantara adalah berakidah *Asha'irah* dan bermazhab *Shāfi'ī*. Perbahasan di atas juga merumuskan versi Islam yang dibawa oleh para pendakwah Arab berketurunan Rasulullah SAW ke Nusantara tidak lain kecuali ajaran-ajaran yang bertunjangkan akidah Ahli Sunah Waljamaah. Begitu juga teori yang mengatakan para pendakwah menyebarkan Islam berketurunan sayyid atau syarif yang dikenali sebagai 'Alawiyyīn yang berasal dari Hadramaut di Yaman itu merupakan penganut Ahli Sunah Waljamaah.

## RUJUKAN

- A. Hasjmy, *Sejarah masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Aceh: P.T. al-Ma'arif, 1981.
- 'Abd Allah Ibn Aḥmad Bā Sudān, *Dhakhīrah al-Ma'ād bī Sharḥ Rāṭib al-Ḥaddād*. Mesir: al-Bayān al-'Arabiy, 1960.
- Abdullah Hġ Ishak, "Kedah Dahului Melaka Terima Islam", *Al-Islam*, jld. 15, no. 10, 1988.
- Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, al-Rahmaniah, 1990.
- Ahmad Haydar Baharun, *Madzhab Para Habaib dan Akar Tradisinya*. Jawa Timur: Pustaka Basma, 2013.
- Al-Ṭabarānī, Sulaymān Ibn Aḥmad, *al-Mu'jam al-Kabīr*. Mūsīl: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1983.
- Alwi bin Tahir al-Haddad, *Sejarah Masuknya Islam di Timur Jauh*, terj. S. Muhammad Dhiya Syahab. Jakarta: Penerbit Lantera, 1997.
- Arnold, Thomas Walker, *The Preaching of Islam: A History of The Propagation of Muslim Faith*. Pakistan: Sh. Muhd Ashraf Kashmiri Bazar Lahore, 1979.
- 'Aydrūs Ibn 'Umar al-Ḥabshī, *Iqd al-Yawāqīt al-Jawhariyyah wa Šimt al-'Ayn al-Dhahabiyyah bi Zikr Ṭarīq al-Sādat al-'Alawiyyah*. t.tp.: al-Matba'ah al-'Amīrah al-Sharafiyyah, 1317H.
- B. Schricke, *Indonesian Sociological Studies*. The Hague and Bandung: W. Van Hoeve Ltd., 1957.
- Bukhari al-Jauhari, *Taj Us-Salatin*, ed. Khalid Hussain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966.

- Dada Meuraxa, *Sejarah Masuknya Islam ke Bandar Baru Sumatera Utara*. Medan: Penerbit Sasterawan, 1973.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn, *al-Muntaqā min Minhāj al-I'tidāl fi Naqd Kalām Ahl al-Rafd wa al-I'tizāl*. Riyād: al-Ri'āsah al-'Āmmah li Idārah al-Buhūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā' wa al-Da'wah wa al-Irshād, 1993.
- Hall, Daniel George Edward, *A History of South-East Asia*. New York: St Martin's Press, 1968.
- Hamdan Hassan, "Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Aceh, dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, ed. Khoo, Kay Kim, Fadzil Othman, Abdullah Zakaria Ghazali, Amat Adam, Nik Abdul Aziz Nik Hassan, Jazamuddin Baharuddin, Khozimi. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Hamka, "Pengaruh Islam Dalam Sastera Melayu", dalam *Islam dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 1977.
- Hamka, *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional, 1997.
- Ibn al-Athīr, 'Alī Ibn Muḥammad, *al-Kāmil fī al-Tārikh*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1415H.
- Ibn Baṭṭūṭah, Muḥammad Ibn 'Abd Allāh al-Lawātī al-Ṭanjī, *Tuhfat al-nuẓẓār fī gharā'ib al-amṣār wa-'ajā'ib al-asfār (Riḥlat Ibn Baṭṭūṭah)*. Beirut: Muassasah Risalah, 1405H.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fida', *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Beirut: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.
- Ibn Ma'īn, Abū Zakariyyā Yahya, *Tārikh Ibn Ma'īn (Riwāyah al-Dūrī)*. Makkah: Markaz al-Baḥth al-'Ilmī wa Ihyā' al-Turāth al-Islamī, 1979.
- J. C. Van Leur, *Indonesia Trade and Society*. Bandung: W. Van Hoeve, 1955.
- John Crawford, *History of the Indian Archipelago*. United States: Harvard University Press, 1967.
- Lee-Warner, William H. "Notes on the Hadhramaut." *Geographical Journal* 77, no. 3 (1931): 217-222.
- Mahayudin Hj. Yahya, *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Mahyuddin Hj. Yahya, *Sejarah orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

- Martin, Bradford G. "Arab migrations to East Africa in medieval times." *The International Journal of African Historical Studies* 7, no. 3 (1974): 367-390.
- Mohd Mokhtar bin Shafii, "Batu Nesan Kurun ke-5H/10M di Pekan Pahang", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, ed. Khoo, Kay Kim, Fadzil Othman, Abdullah Zakaria Ghazali, Amat Adam, Nik Abdul Aziz Nik Hassan, Jazamuddin Baharuddin, Khozimi. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Mohd Nor Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Scholars*. Singapore: Institute of Southeast Studies, 1983.
- Muḥammad Diya' Shihab, *al-Imām al-Muhājir Aḥmad Ibn 'Īsā Ibn Muḥammad Ibn 'Alī al-'Urayḍī Ibn Ja'far al-Ṣādiq, Mālah wa li Naslih wa li A'immaḥ min Aslāfih min al-Faḍā'il wa al-Ma'āthir*. Arab Saudi: Dār al-Shurūq, 1980.
- Muhammad Zayn Faqih Jalal al-Din al-Ashi, *Bidayah al-Hidayah*. Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'a al-Ma'arif, t.t.
- Najib Mitry Saleeby, *Moro History, Law and Religion*. London: Forgotten Books, 2013.
- Al-Nadwah al-'Alamiyyah li al-Shabāb al-Islāmī, *al-Mawsū'ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib wa al-Ahdhāb al-Mu'āsarah*. Riyād: Dār al-Nadwah al-'Ālamiyyah, 1420H.
- Al-Nuwayrī, Aḥmad Ibn 'Abd al-Wahhāb, *Nihāyah al-Arab fī Funūn al-'Adab*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.
- Noryati Abdul Samad, "The Hadhrami Arabs in Southeast Asia: An Introduction" dalam *The Hadhrami Arabs in Southeast Asia With Special Reference to Singapore: An Annotated Bibliography*. Singapore National Library Board, 2010.
- Omar Awang, "The Umm al-Barahin of al-Sanusi", *Jurnal Nusantara*, bil. 2 (Julai 1972), 157-168.
- Sa'ad Shukri, Hj. Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman, 1971.
- Al-Ṣallābī, 'Alī Muḥammad, *al-Dawlah al-Umawiyyah: 'Awāmil al-Izdihār wa Tadā'iyat al-Inhiyār*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2008.
- Al-Shalabī, Aḥmad, *Mausū'ah al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Haḍārah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1996.



- Al-Shūlī, Muḥammad Ibn Abū Bakr, *al-Mashra' al-Rāwiy fī Manāqib al-Sādah al-Kirām Āl Abī 'Alawī*. t.tp.: al-Matba'ah al-'Amirah al-Sharafiyyah, 1319H.
- Snouck Hurgronje, *Mekka in the Letter Part of The 19th Century*. Leiden: E.J. Brill, 1970.
- Şubḥi Rajab Maḥmaşānī, *Falsafah al-Tashrī' fī al-Islām*. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malayin, 1961.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Historical Fact and Fiction*. Johor Bahru: UTM Press, 2012.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1990.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Oldest Known Malay Manuscript: A Century of the 'Aqaid of Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan, Universiti Malaya, 1988.
- Al-Ṭabarī, Muḥammad Ibn Jarīr, *Tārīkh al-Ṭabarī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Tibbetts, Gerald Randall. "Early Muslim traders in south-east Asia." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 30, no. 1 (177 (1957): 1-45.
- Uthman bin Yabya al-Betawi, *Ini Kitab Sifat Dua Puluh*. Pulau Pinang: Dar al-Ma'arif, t.t.
- Wan Hussien Azmi, "Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-10M)" dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, ed. Khoo, Kay Kim, Fadzil Othman, Abdullah Zakaria Ghazali, Amat Adam, Nik Abdul Aziz Nik Hassan, Jazamuddin Baharuddin, Khozimi. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, "Asal-Usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Ash'ari dan Asya'irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1994.
- Yunus Ali al-Muhdhor, *Mengenal Lebih Dekat al-Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad*. Surabaya: Cahaya Ilmu, 2010.
- Zayn Ibn Ibrahim Sumayt, *al-Manhaj al-Şāwī: Sharḥ Uşūl Ṭarīqah al-Sādah Āl Bā'lawī*. Yaman: Dār al-'Ilm wa al-Da'wah, 2005.